

05/09/1999

Pembangking Sarawak geruni Barisan

Misiah Taib

BERBANDING Semenanjung dan Sabah, gelora politik Sarawak menjelang pilihan raya umum kali ini tidaklah seberapa, malah macam biasa - Bumi Kenyalang kawasan pertaruhan paling selamat untuk Barisan Nasional (BN).

Sepertimana pilihan raya sebelum ini, Sarawak kali ini akan memperlihatkan perebutan bagi kerusi Parlimen saja, manakala kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) akan diadakan berasingan dalam Pilihan Raya Negeri.

Kesinambungan politik pembangunan, pengagihan pembangunan sama rata untuk semua kaum dan ke arah realiti baru - Sarawak Yang Lebih Membangun - menjadi asas perjuangan BN negeri dan menjadi nadi kekuatannya untuk terus menambat hati penduduk Sarawak, selama ini.

Meskipun mempunyai lebih 30 suku etnik, pucuk pimpinan BN negeri yang diterajui Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berjaya mengagihkan pembangunan sama rata, bukan saja untuk seluruh pelosok negeri itu, malah untuk semua kaum.

Buktinya, tidak ada nada iri hati atau isu perkauman yang pernah menjadi modal pembangkang, termasuk sewaktu peristiwa 'Ming Court' pada 1987, kedengaran di Sarawak, pada hari ini.

Sejak mengambil alih tampuk kepemimpinan Sarawak pada 1981, Pengerusi BN Sarawak itu berjaya melepasi pelbagai ranjau politik, ekonomi dan sosial, seterusnya merubah wajah Bumi Kenyalang, sehingga menyaksikan pertumbuhan begitu pesat, pada hari ini.

Rekod cemerlang BN Negeri, pembangunan pesat dalam pelbagai bidang, kemantapan suasana politik, di samping ketiadaan pembangkang yang cukup kuat untuk menggugat kedudukan BN negeri, selain ketandusan isu semasa di kalangan pembangkang, menjadi faktor yang mengukuhkan lagi kedudukan BN di Sarawak.

Bak perpatah 'sudah terang, lagi bersuluh', memang jelas bahawa apa yang rata-rata penduduk Sarawak mahukan sekarang ialah kesinambungan pemerintahan kerajaan BN yang telah terbukti berupaya membawa pembangunan pesat untuk semua kaum di negeri itu.

Malah pembangunan di Sarawak sekarang tidak tertumpu di kawasan bandar, tetapi juga luar bandar dan pedalaman.

Sementara pembangkang terdiri daripada pakatan, Keadilan Sarawak, DAP Sarawak dan Star (Parti Reformasi Negeri Sarawak) setakat ini hanya menggunakan isu kronisme dan nepotisme.

Pemerhati politik berpendapat isu tanah tidak akan lagi menjadi modal pembangkang dalam pilihan raya kali ini, memandangkan ia sudah 'basi' dan tidak laku.

Isu tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) misalnya, tidak lagi dapat dijadikan modal, kerana rata-rata rakyat sudah menerima program pembangunan tanah yang dilaksanakan kerajaan, yang setakat ini terbukti berjaya meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka.

Apa yang dijangka akan dilakukan pembangkang hanyalah menghentam peribadi segelintir calon, taktik yang jelas gagal 'menambat' hati pengundi, berdasarkan rekod pilihan raya lalu.

Sehubungan itu, isu picisan pasti akan menjadi pilihan pembangkang, terutama menerusi taktik kotor dengan menghentam peribadi seseorang calon atau dengan memburuk-burukkan pemimpin kerajaan.

Tidak mustahil juga dakwaan mengenai kerajaan mengamalkan isu nepotisme dan kronisme yang dijaja ke merata tempat di Semenanjung, untuk memburuk dan melemahkan kerajaan akan turut menjadi 'bahan kempen' pembangkang di

Sarawak, yang sememangnya ketandusan isu.

Buktinya, Keadilan sudah menggunakan isu berkenaan dalam beberapa majlis pelancaran cawangannya di Sarawak, setakat ini.

Bagaimanapun, isu yang dipelopori Keadilan itu, diramalkan tidak mampu melebarkan pengaruhnya melepasi Laut China Selatan, terutama ke Sarawak.

Ini kerana, jika ada pun mereka yang menyertai parti itu dan membariskan diri dalam senarai jawatankuasa perhubungan parti berkenaan di Bumi Kenyalang sekarang, kebanyakannya terdiri daripada golongan 'ahli-ahli politik kecewa' yang pernah bertanding dalam pilihan raya umum di Sarawak atas tiket pembangkang, tetapi ditolak oleh pengundi.

Majoriti mereka terdiri daripada bekas pemimpin serta ahli jawatankuasa parti pembangkang seperti DAP, anggota Star dan Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak (Permas).

Rata-rata pengundi di Sarawak cukup matang dan mahukan kesinambungan pemerintahan kerajaan sekarang.

Pada pilihan raya kali ini, 28 kerusi Parlimen akan dipertandingkan di Sarawak, berbanding 27 kerusi pada 1995. Ini berikutan terdapat satu kerusi baru, Mambong, yang diwartakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) pada 1996.

Kerusi Mambong mengandungi kawasan Dewan Undangan Negeri Bengoh yang kini diwakili BN dari Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Tarat juga dipegang BN dari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Namun calon dari parti komponen mana yang akan menjadi pertaruhan BN di kawasan yang mempunyai 33,362 pemilih berdaftar itu hanya akan diputuskan selepas tarikh pilihan raya diketahui.

Meskipun kesemua empat parti komponen BN negeri berminat dengan kerusi baru itu, namun Taib yakin, penyelesaian terbaik akan dapat diputuskan menerusi dasar kompromi dalam BN, yang selama ini banyak membantu mereka menangani masalah serupa.

Dalam pilihan raya umum lalu, BN Sarawak memenangi 26 daripada 27 kerusi yang dipertandingkan.

Daripada jumlah itu, 10 kerusi dimenangi PBB, diikuti tujuh kerusi oleh SUPP, enam kerusi dimenangi Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan tiga lagi kerusi oleh Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Bagaimanapun penyandang bagi satu daripada kerusi Snap, iaitu kawasan Mas Gading, Dr Patau Rubis, kini mengetuai Star, sejak beliau disingkirkan dari kabinet negeri.

Dr Patau dipecat daripada menjadi Menteri Muda Kewangan dan Kemudahan Awam Sarawak pada 27 September 1996, setelah didapati bersalah oleh jawatankuasa disiplin BN negeri.

Apapun, BN dijangka tidak menghadapi masalah untuk mempertahankan kerusi berkenaan menerusi muka baru untuk menentang, Dr Patau, yang dijangka akan bertanding di kawasan sama kali ini atas tiket Star.

Ini berikutan sejak ditubuhkan, Star dikatakan tidak mempunyai sebarang rekod pencapaian yang boleh dibanggakan dan membuka mata rakyat, terutama penduduk di kawasan terbabit.

Satu-satunya kerusi Parlimen yang dimenangi pembangkang di Sarawak dalam Pilihan Raya Parlimen April 1995 ialah kerusi kawasan Bintulu, yang dimenangi calon DAP, Chew Chiu Sing.

Pemerhati politik menganggap tidak mustahil untuk BN negeri menang 100 peratus kesemua 28 kerusi yang dipertandingkan kali ini, termasuk merampas kembali kerusi Bintulu dari tangan DAP.

Ini berikutan Snap diura-urakan akan mencalon seorang ahli perniagaan terkenal, Datuk Tiong King Sing, yang juga Bendahari Snap, untuk bertanding di situ. Populariti beliau terutama di kalangan masyarakat Cina, dikatakan sudah cukup 'menggerunkan' pihak pembangkang, apa lagi beliau amat disenangi penduduk setempat.

Pada pilihan raya Parlimen 1995, calon DAP, Chew Chiu Sing, mengalahkan Presiden Snap, Datuk Amar James Wong, dengan majoriti 1,794 undi. Namun Wong awal-awal lagi menyatakan hasratnya untuk tidak bertanding pada pilihan raya kali ini dan Snap dikatakan sudah memutuskan untuk menamakan Tiong sebagai calonnya di situ.

Manakala Taib sendiri awal-awal lagi sudah menzahirkan keyakinannya, bahawa BN negeri dijangka tidak akan menghadapi masalah untuk mempertahankan rekod cemerlangnya pada pilihan raya umum kali ini. PBB juga diramalkan akan mencalon semula kebanyakan penyandang sekarang.

SUPP pula dijangka tidak membuat banyak perubahan, namun Pengerusinya, Datuk Amar Dr George Chan Hong Nam, awal-awal lagi mengesahkan satu atau dua penyandang mungkin tidak dicalonkan semula, kerana mereka mahu 'bersara'.

Mereka yang diura-urakan tidak dicalonkan semula ialah penyandang kerusi Stampin, Yong Khoon Seng, dan Bandar Kuching, Datuk Song Swee Guan.

Yong dikatakan meminta untuk tidak dicalonkan semula kerana faktor usia, manakala Song yang juga Adun Padungan, dikatakan memikul terlalu banyak komitmen, memandangkan beliau adalah juga Speaker Dewan Undangan Negeri.

PBDS dijangka tidak melakukan sebarang perubahan, berikutan Presidennya, Datuk Leo Moggie, sebelum ini menyatakan menjadi tradisi parti itu mengekalkan penyandang.

Sementara Snap pula dijangka menurunkan dua muka baru iaitu di Bintulu dan Mas Gading.

Taib menegaskan BN Negeri sudahpun menggerakkan jentera partinya secara senyap, sebelum arahan dikeluarkan oleh pucuk pimpinan parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya mengenai peluang BN negeri, beliau berkata; "Nampak gaya...Insyallah peluang kita baik".

(END)